

**EMBARGO SEHINGGA
UCAPAN SELESAI**

(VERSI 26 MEI 2024)

UCAPTAMA

YBHG. DATO' IR. HJ. BADIOEZAMAN BIN AB KHALIK

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA
(SEKTOR BANGUNAN)**

**YANG MENJALANKAN TUGAS
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

SEMPENA

**PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC)
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
TAHUN 2024**

27 MEI 2024 (ISNIN) / 2.30 PETANG

**KSL ESPLANADE KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN**

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara. Bismillahirrahmanirrahim

-Salutasi disediakan berasingan-

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan izinNya jua, kita dapat kembali bersama sekali lagi di Mesyuarat Pegawai Kanan (SOC), Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi tahun 2024. Semasa SOC 2023, kita telah berkampung di Melaka Negeri Bersejarah di mana seramai 425 peserta dan 31 bilangan reruai pameran yang dapat turut serta. Saya mewakili JKR Malaysia mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mantan pengarah JKR Melaka iaitu YBhg. Datuk Ir. Ismail bin Abd Rahman dan pasukan JKR Negeri Melaka kerana telah berjaya menganjurkan SOC tahun 2023 dengan jayanya.

2. Bagi meneruskan kesinambungan persidangan ini, JKR Negeri Selangor telah dilantik sebagai tuan rumah SOC 2024 merangkap Jawatankuasa Induk Pengelola dan Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat sebagai Jawatankuasa Induk. Tahniah dan terima kasih kepada pasukan Jawatankuasa yang telah mempamerkan semangat kerjasama jitu, dimana telah bertungkus-lumus membuat persiapan bagi merealisasikan persidangan ini dapat berlangsung sepertimana yang telah dirancang. Tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada mantan Pengarah JKR Negeri Selangor, YBrs. Ir. Hj. Lokman Bin Hj. Nasir atas sumbangan idea dan khidmat nasihat dalam penganjurkan SOC ini.

3. Sempena keberadaan kita di SOC 2024 ini, marilah kita bersama-sama mengambil kesempatan untuk menjana idea, berdiskusi, bertukar pandangan dan juga mengambil peluang untuk *mingle around* sesama kita JKR bagi meneruskan legasi cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan jabatan.

AMANAT

Amanat YB Menteri Kerja Raya dan Ketua Setiausaha Negara

4. Merujuk kepada amanat YB Menteri Kerja Raya pada 8 Februari yang lalu, YB Menteri ada menyebut mengenai lima (5) inisiatif Kementerian Kerja Raya yang telah dijadikan *Pledge of Result* di bawah Kerangka Strategi Malaysia MADANI (KSMM). Inisiatif ini adalah bagi memberikan ikrar dan komitmen untuk menambahbaik keberkesanan dan kecekapan pengurusan infrastruktur berfokuskan kesejahteraan rakyat.

5. Manakala YBhg Tan Sri Dato' Seri KSN ada menyebut sewaktu Majlis Amanat beliau pada 13 Februari yang lalu, penjawat awam perlu melaksanakan segala dasar dan strategi di bawah Malaysia MADANI. Waima penjawat awam adalah benteng Malaysia, yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

TEMA SOC 2024

6. Justeru tema SOC 2024 iaitu “Kita JKR: Teguh Berdiri, Memenuhi Harapan” adalah amat bersesuaian dengan senario JKR hari ini, di mana seluruh warga kerja pelbagai peringkat menjadi benteng kepada peranan dan fungsi jabatan yang telah bertapak lebih 150 tahun. Justeru, komitmen warga JKR amat penting dalam menggerakkan jabatan agar sentiasa bersedia untuk berubah, bersesuaian dengan aspirasi dan hala tuju kerajaan. Kesediaan minda dan keterbukaan kita untuk berubah daripada “zon selesa” kepada pendekatan yang lebih efisien, berdaya saing serta memenuhi kehendak pemegang taruh semestinya dipraktiskan oleh seluruh warga kerja.

SOROTAN 2023

Pengiktirafan dan Kejayaan

7. Kita juga bersyukur sepanjang perjalanan tahun 2023, jabatan kita telah berjaya menempa beberapa kejayaan dan pengiktirafan, antaranya:

- i. Jabatan berjaya mendapatkan kelulusan dasar *pelaksanaan Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) atau Perakuan Penyiapan dan Pematuhan bagi projek konvensional dalaman oleh JKR di peringkat Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 14 Jun 2023. Saya difahamkan kita dalam proses menyediakan garis panduan pelaksanaan untuk dijadikan rujukan semua pihak yang terlibat kelak.
- ii. Berdasarkan kepada kelulusan projek RMKe-12, dapat dilihat bahawa jabatan telah menerima limpahan projek baharu yang semestinya menuntut kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih agresif. Justeru, dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik, jabatan melalui CDPK dan CPAB telah memohon kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pelantikan kakitangan secara *Contract of Service* (COS). Adalah diharapkan permohonan ini akan mendapat kelulusan agar gerak kerja jabatan dapat diperkukuhkan lagi, sesuai dengan kehendak dan ekspektasi semasa.
- iii. Dan sebagai penutup 2023, jabatan sekali lagi telah berjaya menganjurkan Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara, HPTN 2023. Dan julung kalinya dirasmikan secara fizikal oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim;

Pencapaian dan anugerah yang jabatan terima pada tahun 2023 adalah hasil usaha dan kerjasama seluruh warga kerja JKR. Terima kasih atas komitmen semua.

Semoga kecemerlangan ini akan dapat diteruskan pada tahun ini.

Prestasi KPI Jabatan Tahun 2023

8. Sepertimana saya maklumkan semasa Majlis Amanat KPKR pada Februari yang lalu, secara keseluruhannya prestasi pencapaian KPI KPKR jabatan pada tahun 2023 telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Sebelum melangkah lebih jauh bagi ucap tama persidangan pegawai kanan pada hari ini, ingin saya membawa semua peserta SOC melihat semula sorotan pencapaian jabatan bagi tahun 2023 yang lalu.

9. Untuk makluman, pencapaian Prestasi Projek JKR Malaysia adalah cukup memberangsangkan bagi tahun 2023, dimana prestasi projek fizikal pembinaan yang dicapai sehingga Disember 2023 adalah sebanyak 2,118 projek meliputi:

- i. 589 projek (28%) dalam peringkat pra-pembinaan; (RM22.68Billion)
- ii. 772 projek (36%) sedang dalam pembinaan; dan (RM37.47Billion)
- iii. 757 projek (36%) telah siap, dalam tempoh DLP. (RM18.63Billion)

Pencapaian SST 2023

10. Bagi tahun 2023 juga, jabatan telah berjaya mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) sebanyak 315 projek dengan nilai RM5.515billion melalui 25 sidang LP di peringkat jabatan dan 15 sidang LP peringkat kementerian.

Perolehan Khas Sekolah Daif Tahun 2023

11. Untuk tahun 2023, JKR telah diberi kepercayaan oleh kerajaan melalui KPM bagi pelaksanaan projek pembinaan sekolah daif sebanyak 43 projek dengan anggaran peruntukan RM105.5 Juta. Inisiatif STAR telah diperkenalkan untuk mempercepatkan proses pelaksanaan projek. Sehingga April 2024, status kemajuan fizikal projek bagi projek sekolah daif tahun 2023 adalah seperti berikut :

- a. 14 projek siap awal berbanding jadual
- b. 16 projek mengikut jadual; dan
- c. 13 projek lewat

Pencapaian-pencapaian cemerlang JKR pada tahun 2023 perlu kita teruskan pada tahun ini.

Pegawai-pegawai yang saya hormati sekalian,

PELAN STRATEGIK JKR MALAYSIA

12. Pelan Strategik JKR 2021-2025 telah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun dengan jayanya di JKR walaupun ada kalanya berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran. Pelan Strategik JKR 2021-2025 dimulakan dengan penetapan hala tuju dan objektif strategik yang inklusif ke arah meletakkan JKR sebagai pemberi perkhidmatan dan pusat kecemerlangan bertaraf dunia. JKR telah memperteguhkan hala tuju dan objektif strategik tersebut melalui bidang fokus dan pelan tindakan yang komprehensif bagi memacu transformasi perkhidmatan untuk terus kekal relevan.

13. Sepanjang tahun 2021 sehingga 2023, prestasi pencapaian keseluruhan Pelan Strategik JKR telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan, malahan mencapai tahap “Melebihi Sasaran Secara Signifikan” iaitu kategori tertinggi (95% - 100%).

Bagi tahun 2024, prestasi pencapaian pada sukuan 1/2024 telah mencapai 64.48% berbanding sasaran 25%. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua peneraju tema supaya dapat melipat gandakan usaha agar kita dapat mengulangi kejayaan sebagaimana tiga (3) tahun sebelum ini.

14. Bagi tujuan penambahbaikan serta memperkukuhkan Pelan Strategik JKR Malaysia, satu slot khusus pada hari esok disediakan bagi membincang dan mengupas isu dan kekangan dalam pelaksanaannya.

PENCAPAIAN 2024 (SEHINGGA KINI)

15. Kita bangga dengan usia “matang” jabatan yang telah melangkaui 150 tahun, bagi memastikan jabatan kita terus *resilient*, pemerkasaan tadbir urus dan pengurusan aset menyeluruh perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa. Justeru, pelbagai platform perlu dilihat secara holistik untuk memastikan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan.

Pengurusan Projek

16. Adalah menjadi hasrat dan tanggungjawab jabatan supaya semua projek yang dilaksanakan oleh JKR dapat dilaksanakan dengan cekap mengikut skop, kos dan kualiti yang telah ditetapkan agar ia menepati harapan pihak pelanggan. Kita turut menetapkan bahawa semua peringkat pengurusan projek yang dilaksanakan sama ada melalui kaedah konvensional atau reka dan bina wajib mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

17. Meskipun begitu, masih ada projek-projek di bawah jabatan terpalit dengan isu-isu panas sehingga dijaja dalam media sosial. Pasti, perihal seumpama ini tidak molek untuk nama baik dan imej jabatan. Seandainya ada isu-isu yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek, bersegeralah untuk menangani dan mencari solusi bagi mencegah ianya menjadi lebih parah. Banyak mata yang memerhati hasil kerja jabatan waima gerak-geri kita turut diawasi oleh pihak-pihak lain. Yang digusarkan satu @ dua kelemahan/masalah yang diutarakan, tetapi kejayaan kita yang banyak tidak dihebahkan.

18. Oleh itu, besar tanggungjawab kita semua sebagai warga JKR untuk memastikan semua projek berada dalam garis masa yang telah ditetapkan sepertimana yang termaktub di dalam kontrak. Bermula dari Iklan Tender sehinggalah projek diserahkan kepada pihak Pelanggan.

19. Mengimbau pencapaian prestasi projek JKR Malaysia pada April 2023, Jabatan telah berjaya mengeluarkan Iklan Tender sebanyak 101 iklan, 110 bilangan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) dan sebanyak 47 projek telah berjaya disiapkan.

Manakala dalam tempoh yang sama bagi 2024 (April 2024), jabatan telah berjaya mengeluarkan Iklan Tender sebanyak 80 iklan, 84 bilangan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) dan sebanyak 50 projek telah berjaya disiapkan. Dengan berbaki lagi lebih kurang 7 bulan, saya berharap kita dapat mencapai sasaran sepertimana yang dirancang.

20. Di samping itu juga, Jabatan turut membantu Kementerian/agensi lain dalam melaksanakan Projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubahsuai dan Naiktaraf (PPUN). Berdasarkan data pada April 2023, sebanyak 2,627 bilangan kerja telah dilaksanakan bernilai RM1.5billion dengan peratus belanja sebanyak 80.15%.

Sehingga April 2024 pula, sebanyak 4,140 bilangan kerja telah/sedang dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM2.7billion dengan peratus belanja sebanyak 81.92%. Ini menunjukkan terdapat peningkatan perbelanjaan secara signifikan berdasarkan tempoh masa.

21. Kejayaan sesuatu projek dapat dicapai dengan adanya kerjasama pelbagai disiplin dari semua peringkat pelaksanaan projek. Dalam kita bersemangat untuk menyiapkan sesebuah projek, kita sewajarnya mengambil kira dan memberikan perhatian serius dalam setiap perincian sesebuah projek bermula dari peringkat perancangan sehinggalah pembinaan. Oleh itu, jabatan juga mengambil inisiatif dengan melaksanakan beberapa Program Pensijilan untuk meningkatkan kompetensi pengurus dan pasukan projek malahan berusaha untuk memupuk pembudayaan amalan terbaik pengurusan projek di setiap peringkat di Jabatan ini. Antara program pensijilan yang dilaksanakan:

- i) *Competency Based Assessment System (CBAS)*;
- ii) Pensijilan Assessor Bertauliah JKR; dan
- iii) Pensijilan *Champion* Amalan Terbaik Pengurusan Projek (Penjadualan Projek dan Pengurusan Risiko).

22. Jabatan sentiasa giat berusaha untuk melahirkan pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertauliah, semoga melalui inisiatif ini dapat meningkatkan kepakaran pegawai-pegawai dalam bidang pengurusan projek, seterusnya menjadi nadi penggerak bagi memastikan kesinambungan dan kejayaan Jabatan dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur awam negara.

Program Intervensi Penyampaian projek

23. Diakui, meskipun pelbagai kaedah dan inisiatif kita usaha serta laksanakan, masih lagi timbul isu/ permasalahan sepanjang pelaksanaan projek samada dari aspek teknikal, pembayaran atau faktor luar jangka yang tidak dapat dielakkan.

24. Sejalan dengan polisi yang ditetapkan oleh agensi pusat yang menyasarkan sifar projek sakit dalam projek-projek Kerajaan dan memastikan projek pembangunan yang dilaksanakan dapat disiapkan dan diserahkan kepada pelanggan mengikut perancangan, Jabatan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa peringkat jawatankuasa untuk menyelesaikan masalah/ isu berbangkit yang menjejaskan pelaksanaan projek pembangunan persekutuan melalui:

- i. Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek (peringkat pengurusan atasan)
- ii. Mesyuarat Intervensi Projek
- iii. Mesyuarat *Jawatankuasa Problem Solving Governance (PSG)*
- iv. Mesyuarat *Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP)*.

25. Berdasarkan sumber jabatan, trend projek sakit adalah:

- 3.44% pada tahun 2021,
- 3.79% pada tahun 2022 dan
- 3.29% pada tahun 2023.

Adalah didapati terdapat penurunan 0.5% pada tahun 2023. Penurunan ini menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan dalam pelaksanaan projek. Pencapaian ini turut dibantu dengan pemantauan yang tersusun dengan penggunaan teknologi/digital terkini.

26. Saya dimaklumkan bahawa dalam usaha menangani isu/ masalah berkaitan pengurusan projek, pihak CPAB telah melaksanakan program intervensi yang mana melibatkan 71 projek untuk tahun 2023. Antara penemuan isu dan masalah adalah;

- i. Percanggahan reka bentuk antara disiplin (20%)
- ii. Tiada pemantauan/ tindakan susulan daripada pasukan projek lanjutan daripada surat amaran dan peringatan yang dikeluarkan kepada kontraktor (19%)
- iii. Percanggahan lukisan pembinaan dengan BQ (17%)
- iv. Kelewatan membuat permohonan dan kelulusan EOT/APK/PHK (14%)
- v. Buku Harian Tapak Bina tidak lengkap dan tidak dikemaskini (12%)

Hasil daripada pasca program intervensi;

- i. Sebanyak 30 daripada 71 projek (42.3%) yang dinilai, menunjukkan peningkatan prestasi
- ii. 7 daripada 71 projek (10%) berjaya disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Program Intervensi perlu dilaksanakan secara berterusan oleh Negeri dan Cawangan bagi membantu menangani masalah projek sakit.

Klinik Daif

27. Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan dan menambahbaik fasiliti kesihatan di seluruh negara dan memenuhi keperluan masyarakat setempat, Kementerian Kerja Raya melalui Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, Jabatan Kerja Raya turut terlibat dalam menaik taraf klinik daif. Sehingga 31 April 2024, sebanyak 8 klinik daif dengan anggaran kos sebanyak RM5.04 Juta di lima (5) buah negeri iaitu Perak, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka berada dalam peringkat perancangan, perolehan dan pembinaan.

Sekolah Daif

28. Untuk makluman, bagi tahun 2024 sebanyak 32 projek sekolah daif telah dipertanggungjawabkan kepada jabatan di bawah pelaksanaan RP4, RMKe-12. Daripada 32 bilangan projek tersebut, 25 projek yang bernilai RM30 juta ke bawah telah dikenalpasti untuk disegerakan pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan perlanjutan penggunaan kaedah perolehan sekolah daif dengan syarat Surat Setuju Terima (SST) projek hendaklah diselesaikan pada/sebelum 31 Disember 2024. Sebanyak 13 projek sekolah daif bagi tahun 2024 yang diberikan perhatian utama untuk perancangan iklan pada tahun ini.

29. Beberapa strategi telah dirangka bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan mencapai semua perancangan projek sekolah daif. Alhamdulillah, antara pencapaian besar hasil usaha bersama semua pasukan projek jabatan adalah penyelarasan permohonan Rundingan UR20A (Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172) yang telah berjaya diselesaikan.

Sistem JKR E-Tender (JET) 2.1

30. JKR telah membangunkan sistem perolehan secara atas talian bagi menangani kekangan urusan perolehan Kerajaan akibat Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik Covid-19. Ia menjadi titik permulaan kepada Sistem JET yang sedang diguna pakai sehingga kini.

Sehingga 10 Mei 2024, sebanyak 1131 bilangan tender bagi projek-projek di bawah selian JKR telah dipelawa dengan mengguna pakai sistem JET 2.0. Dari semasa ke semasa sistem JET ditambahbaik bagi membantu memudahkan urusan perolehan. Kini, sistem JET Versi 2.1 dengan tambahan modul reka & bina akan diperkenalkan penggunaannya melalui lapan (8) projek rintis yang terpilih di mana pelancarannya akan kita sempurnakan bersama-sama pada SOC kali ini, iaitu pada 29 Mei 2024 nanti. Penggunaan sistem JET versi 2.1 dijangka akan dikuatkuasakan penggunaannya bagi projek-projek yang akan ditender mulai 1 Jun 2024.

Hadirin yang dihormati,

Sistem Sijil Kompetensi Kontraktor Kesihatan (SKKK) Bagi Menyertai Tender Projek Hospital Dan Fasiliti Kesihatan

31. Sebagaimana semua sedia maklum, pelaksanaan Program Sijil Kursus Kompetensi Kontraktor Kesihatan (SKKK) merupakan salah satu inisiatif jabatan untuk memastikan kontraktor Gred G7 yang kompeten sahaja layak untuk menyertai tender dan melaksanakan projek fasiliti kesihatan. Mulai tahun ini, semua syarikat kontraktor yang ingin menyertai tender fasiliti kesihatan di bawah seliaan jabatan perlu mempunyai SKKK yang sah.

32. Saya difahamkan terdapat 76 bilangan kontraktor yang telah berjaya mendapat Sijil SKKK sehingga 31 Mac 2024 dan layak untuk menyertai tender projek-projek Kesihatan di bawah kendalian JKR Malaysia. Saya berharap agar lebih ramai lagi pihak kontraktor memperolehi SKKK ini. Daya saing sesama kontraktor dalam memperolehi tender Kerajaan dapat membantu jabatan untuk membuat keputusan tepat dalam pemilihan kontraktor bagi sesuatu projek.

Kaedah Baharu Perolehan Bagi Menyegerakan Pelaksanaan Projek Cakna Rakyat Kerajaan

33. Sepertimana kita semua sedia maklum, Kementerian Kewangan telah mewujudkan kaedah baharu perolehan iaitu Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih pada tahun 2023 dan inisiatif ini telah dilanjutkan tempoh penguatkuasaannya sehingga 31 Disember 2024.

Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2024

34. Sehingga 17 April 2024, peruntukan untuk Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia yang telah diterima adalah sebanyak RM1.21bilion. Manakala peruntukan untuk Pemerkasaan Jurutera Daerah adalah sebanyak RM17.2juta untuk 86 daerah. Selain itu, Jabatan juga menerima peruntukan berjumlah sebanyak RM120.14juta bagi pelaksanaan program penyenggaraan elektrik melibatkan Pemasangan Lampu Jalan, Menaiktaraf Lampu Isyarat Sedia ada kepada Lampu Isyarat Pintar, Pemasangan Lampu Isyarat di Persimpangan dan Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat.

35. Alhamdulillah kita turut menerima peruntukan sebanyak RM35.5juta bagi membaiki 71 lokasi *Blackspot* di seluruh Semenanjung Malaysia. Manakala peruntukan sebanyak RM8.60juta juga diperolehi untuk Pelaksanaan Program Pembinaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Lampu Isyarat (LPKSI) yang melibatkan 33 Lokasi.

Adalah diharapkan semua peruntukan yang diterima ini dapat dibelanjakan dengan segera.

Integriti

36. Semasa majlis amanat pada Februari yang lalu, saya ada menyebut sebanyak 49 kesalahan telah dilaporkan sepanjang tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19 hukuman telah diputuskan termasuk hukuman buang kerja sebanyak 8 kes pada tahun 2023.

37. Manakala saya difahamkan sehingga April 2024, sebanyak 12 kes telah direkodkan yang melibatkan pelbagai kesalahan. Memasuki sukuan ke 2 tahun ini, saya sangat berharap tiada lagi peningkatan kes yang melibatkan integriti. Untuk perkongsian bersama, prestasi Malaysia dalam Pencapaian Indeks Persepsi Rasuah Malaysia pada tahun 2023 adalah dikedudukan 57 berbanding 180 buah negara. Lanjutan itu, Kerajaan telah menyasarkan kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun.

38. Oleh itu saya menyeru kepada semua warga JKR untuk bersama-sama menghayati, membudaya amalan yang berintegriti bagi memastikan tiada warga JKR yang terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang tidak sihat. Sama-sama menjaga nama jabatan, fokus utama kita adalah untuk memberikan perkhidmatan terbaik, telus dan berintegriti kepada orang awam. “Jangan kerana nila setitik, habis rosak susu sebelanga”.

Hadirin sekalian,

WAY FORWARD

Pemantauan Projek : SKALA 2.0

39. Jabatan komited menyahut inspirasi Pendigitalan Sektor Awam, oleh itu Sistem SKALA 2.0 sedang giat dibangunkan dan dijangka boleh digunapakai hujung tahun 2025. Dengan pembangunan SKALA 2.0, fungsi pelaporan projek menggunakan SKALA sedia ada dan Sistem J10 akan digantikan sepenuhnya dengan sistem ini. Semoga dengan adanya sistem ini kelak, pengurusan dan pemantauan projek jabatan dapat dilaksanakan dengan efektif dan berkesan.

Sementara itu, pastikan semua data-data/maklumat di dalam SKALA dan SPSB dikemaskini bagi memastikan pelaporan yang diambil adalah tepat dan terkini.

Pematuhan Pekeliling Perbendaharaan (PB) 1.3 dalam Penilaian Aset Tak Alih Dan Penyenggaraan Aset Tak Alih

40. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan permohonan peruntukan projek-projek pemulihan/pemuliharaan/ubah suai/naik taraf (PPUN) dan kerja penyenggaraan adalah berdasarkan skop dan anggaran kos yang telah dikenalpasti melalui pelaksanaan penilaian aset bangunan sedia ada selaras dengan keperluan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA). Pastikan segala SOP dipatuhi, diteliti waima semua ahli pasukan perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing supaya projek dapat berjalan lancar.

41. Berdasarkan kepada PB 1.3, Pelanggan perlu membuat proses penilaian aset tak alih seperti BCA, FCA dan sebagainya sebelum memohon peruntukan Belanja Mengurus atau Belanja Pembangunan. Amalan sedia ada, pihak pelanggan tidak melaksanakan proses penilaian aset tak alih menyebabkan skop kerja penyenggaraan/PPUN hanya dapat ditentukan selepas JKR dilantik sebagai pengurus program. Ini menjejaskan tempoh pelaksanaan untuk kerja penyenggaraan / PPUN.

Kesan jangka panjang, amalan penyenggaraan yang tidak optimum akan menyebabkan kemerosotan aset sebelum waktunya, peningkatan kos penyenggaraan & pembaikan, dan mengurangkan nilai aset.

Program Pensijilan AFM

42. Program Pensijilan Akreditasi Pengurusan Aset dan Fasiliti (AFM) yang dilaksanakan oleh CPAB sejak tahun 2019 bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai JKR dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti. Sejak 2019 sehingga 2023 seramai 136 pegawai P&P telah berjaya memperolehi pensijilan akreditasi dalam pelbagai bidang seperti Pengurusan Aset & Fasiliti dan Penilaian Aset tak Alih (Bangunan) oleh JKR CREaTE, Pengurus Fasiliti Bertauliah CIDB dan Pengurus Aset Bertauliah Tahap 1 MAPMA-AMC.

43. Melihat kepada perkembangan yang positif, pada tahun ini program pensijilan kompetensi aset dan fasiliti telah diperluaskan kepada kumpulan pelaksana agar ramai lagi warga jabatan yang bertaualiah dan kompeten dalam bidang Pengurusan Aset dan Fasiliti. Justeru, saya berharap tuan-puan memberi sokongan penuh kepada pegawai-pegawai di bawah seliaan masing-masing untuk berusaha mendapatkan pensijilan ini demi kebaikan jabatan jua.

DISKUSI ISU/ CABARAN MASAKINI

Penguatkuasaan Akta 520

44. JKR sentiasa komited mengutamakan kualiti dalam pembinaan. Untuk mencapai hasrat tersebut penggunaan bahan-bahan binaan yang dijamin kualiti dan mempunyai standard yang diperakukan adalah diutamakan dalam pelaksanaan projek. Justeru, Untuk mencapai hasrat ini penggunaan bahan-bahan binaan seperti *Ready mixed concrete*, besi tetulang, simen, komponen IBS dan lain-lain bahan binaan yang diperakukan berdasarkan senarai produk dibawah Jadual Ke Empat Akta 520 perlu mempunyai sijil Perakuan Pematuhan Standard (PPS) yang dikeluarkan oleh pihak CIDB.

45. Bagi menyokong usaha ini, JKR telah mengemaskini keperluan dalam dokumen Spesifikasi Piawai Kerja Bangunan 2020 JKR, selaras dengan keperluan pematuhan Perakuan Pematuhan Standard (PPS). Contohnya, pembekal *ready mixed concrete* dan lain-lain bahan perlu mengemukakan sijil PPS yang sah mengikut gred konkrit yang dibekalkan ke tapak bina. Kegagalan pihak kontraktor/pembekal mematuhi keperluan akta ini boleh menyebabkan tapak projek diberi notis untuk penutupan operasi dan boleh dikenakan penalti tidak kurang RM10.0ribu dan tidak melebihi RM500.0ribu sekiranya disabitkan kesalahan.

46. Berdasarkan laporan yang diterima terdapat projek-projek JKR yang telah diperiksa dan diberi notis tutup sementara mengakibatkan tempoh pelaksanaan projek terjejas. Operasi penguatkuasaan khas berkala yang dilaksanakan oleh CIDB telah mengesan penggunaan *ready mixed concrete* yang tidak mempunyai Perakuan Pematuhan Standard telah menyebabkan penalti dikenakan ke atas kontraktor,

seterusnya menyebabkan kerugian dari segi masa dan kos.

47. Selain itu, Pegawai Penguasa juga perlu memastikan personel binaan iaitu penyelia dan pekerja binaan yang tersenarai dalam Jadual Ketiga Akta 520 yang sama perlu berdaftar dan mempunyai perakuan pendaftaran yang sah dengan CIDB bagi menjalankan kerja-kerja di tapak. Adalah menjadi satu kesalahan untuk berurusan dengan personel binaan yang tidak berdaftar di bawah Akta ini. Dengan pematuhan Akta 520 ini, kualiti projek yang dihasilkan oleh JKR dapat ditingkatkan disamping kepakaran personel binaan yang kompeten.

48. Justeru, saya berharap seluruh warga JKR cakna dengan penguatkuasaan Akta 520 dan bersedia dengan perubahan, selari dengan perkembangan semasa sektor pembinaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Semua pihak kena mengambil peranan masing-masing dalam meningkatkan kefahaman berkaitan Akta 520 ini.

Penyampaian Maklumat Pantas dan Tepat

49. Ingin saya tekankan bahawa corak bekerja dahulu tidak sama sebagaimana kehendak dan situasi masa kini. Ibarat peribahasa Melayu “zaman beralih, musim bertukar”, begitulah anjakan yang seharusnya dibudayakan. Penyampaian perkhidmatan jabatan hendaklah disesuaikan dengan peredaran zaman di mana perlu dilaksanakan dengan pantas dan tepat.

50. Di luar sana ramai yang memerhati dan mencari kesalahan waima menunggu peluang untuk mengkritik jabatan. Justeru, segala isu atau permasalahan yang timbul sewajarnya ditangani dengan segera dan berhati-hati. Mengurus persepsi/tohmahan orang awam tidak mudah. Cabarannya tidak sama dengan cabaran pengurusan projek, silap menjawab, lagi besar impaknya kepada jabatan. Oleh itu, saya amat berharap kita sentiasa dapat bersiap siaga dan sematkan sifat kesegeraan, ketepatan serta ketelusan dalam bekerja.

51. Melihat kepada arus perkembangan media sosial masa kini, bermacam-macam platform maya yang muncul. Di awal tahun 2000, hanya ada *Facebook*, disusuli dengan *Twitter*, *Instagram* dan sekarang ini yang makin popular adalah *Tik tok*. Lambakan media sosial ini ada positif dan negatifnya, bergantung kepada kita untuk menguruskannya.

52. Lantaran itu, jabatan kita sentiasa diujani dan dikritik hebat secara terbuka oleh netizen melalui media sosial walaupun kita sedaya upaya menyediakan prasarana dan infrastruktur awam terbaik kepada rakyat dan negara. Kita tidak boleh kawal *posting* dan komen netizen di media sosial, justeru kita perlu berfikir cara atau kaedah terbaik untuk menanganinya. Apa yang kita perlu buat? Tak cukup kah dengan apa yang telah kita laksanakan? Fitrah manusia memang sentiasa tidak mudah berpuas hati.

53. Ini adalah cabaran getir untuk kita warga JKR dalam mendepani isu-isu seumpama ini. Tetapi, walau apa pun cabaran yang perlu ditempuhi, kita perlu menanganinya sebagai satu pasukan. Warga kerja perlu proaktif dan *extrovert* dalam menguar-uarkan aktiviti jabatan di media sosial. Ia perlu dilaksanakan secara menyeluruh sama ada di peringkat JKR daerah, negeri, cawangan dan ibu pejabat. Kebersamaan kita dalam menyokong setiap posting ditunjukkan dengan kita bersama-sama *Tag, Follow, Like* dan *Share* supaya *posting-posting* yang positif yang menguar-uarkan kejayaan kita dapat disebar luas, seterusnya sampai kepada orang awam.

Dengan kata lain, jom kita!

Bersama- sama kita *Follow*

Bersama-sama kita *Like*

Bersama-sama kita *Share posting*

54. Dengan menguar-uarkan kejayaan jabatan, In sha Allah sedikit sebanyak, lama kelamaan persepsi negatif rakyat akan berkurang, seterusnya bertukar kepada persepsi yang lebih positif.

Teroka Inovasi Baharu

55. Saya juga berharap agar warga kerja berani meneroka inovasi-inovasi baharu dan menyokong perkembangan idea-idea baharu atau yang bersesuaian dengan kehendak semasa, demi memperkasakan perkhidmatan serta berusaha untuk memartabatkan inisiatif digital baharu yang efisien. Alhamdulillah, sebanyak 18 bilangan inovasi/teknologi terkini jabatan telah diperakukan untuk digunapakai. Antaranya *Median Night Reflector Post V2.0, TenCate Mirafi TM13C Precast Concrete Post-Tensioned Beam, New Generation i-Supervision, Multi Measurement Kit* dan lain-lain. Penghasilan

produk inovasi/teknologi terkini membuktikan JKR sentiasa berusaha keras menghasilkan produk inovasi terbaru yang bermutu tinggi dipaten serta boleh digunapakai oleh semua pihak.

Pegawai-pegawai yang saya dihormati,

Hasil Townhall Jurutera Daerah

56. Saya sedar menjadi JD secara tidak langsung perlu menjadi perantara (*mediator*) /duta di daerah bukannya mudah. Penuh dengan cabaran dan ujian yang kadangkala tidak terjangkau dek fikiran. Tetapi, anggaplah itu sebagai cabaran dan pengalaman yang mematangkan dalam perjalanan kerjaya. Anda semua adalah *the chosen ones* yang akan menjadi *frontliner* jabatan. Teruskan komitmen, keberanian dan momentum penyampaian perkhidmatan jabatan di daerah masing-masing.

57. Sesi *Townhall* YBMKR Bersama Jurutera Darah/Jajahan 2024 telah diadakan pada 27 Februari 2024 yang lalu. Saya melihat program ini sebagai titik permulaan dalam mewujudkan satu ruang interaksi yang berhemah dan percambahan minda diantara Pengurusan Tertinggi dengan Jurutera Daerah. Platform sebegini adalah kritikal dan amat sesuai dilaksanakan kerana apa sahaja idea atau cadangan yang dilontarkan oleh anda semua kini didengari, dan maklumat dapat disampaikan secara terus kepada YB Menteri.

58. Hasil dari sesi *townhall* tersebut, YB Menteri Kerja Raya telah memaklumkan bahawa semakan akan dibuat dengan pihak yang berkaitan bagi mengenal pasti tatacara dan kaedah bersesuaian untuk mewujudkan Elaun Khas Jurutera Daerah/Jajahan. Selain itu, saya amat berharap agar usul - usul lain yang dilontarkan turut berjaya direalisasikan.

59. Bagi mencari solusi kepada isu penyenggaraan pokok di dalam rizab jalan, Kunjungan hormat dan sesi perjumpaan KSU KKR bersama KSU KPKT telah diadakan pada 27 Mac 2024 yang lalu di KKR. Hasil perbincangan tersebut, dicadangkan agar perbincangan susulan melibatkan KPKT (Jabatan Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan) serta Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bersama dengan JKR diadakan bagi menetapkan persetujuan bersama, khususnya berkaitan parameter

penyenggaraan pokok di dalam rizab jalan. Semoga perihal ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

KADER ADALAH DUTA JABATAN

60. Selain daripada Jurutera Daerah yang merupakan *frontliner* jabatan di lapangan, warga JKR yang berkhidmat di kementerian/ jabatan lain yakni pegawai KADER juga sepatutnya bertindak sebagai duta jabatan kita di luar sana. Tanggungjawab yang digalas pegawai-pegawai KADER adalah besar, di mana anda semua adalah penasihat, dan pemudahcara yang mewakili jabatan untuk urusan-urusan teknikal. Jangan dilupa, anda turut membawa imej jabatan. Untuk itu, saya sangat berharap di mana sahaja kita berkhidmat, terapkan semangat '*esprit de corp*' dan perasaan *sense of belonging* serta utamakan tanggungjawab kepada jabatan, tidak kira di mana kita ditempatkan dan jangan sesekali bertindak berlawanan (*against*) dengan JKR pula.

HARAPAN/ HASRAT

61. Sebagaimana yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz melalui Majlis Amanat Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada bulan Februari yang lalu, penjawat awam dalam erti kata lain kita semua ini, diseru untuk berpegang kepada nilai H.E.M.A.T sebagai panduan dalam melaksanakan tugas dan menyampaikan perkhidmatan bermutu kepada rakyat. Dari sudut tafsiran, H.E.M.A.T membawa dua maksud iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat cermat dan tidak boros. Manakala dari segi sifat pula merujuk kepada cara penjawat awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam. Untuk pemahaman yang lebih terperinci saya sarankan semua warga kerja untuk menghayati nilai H.E.M.A.T dengan melayari portal atau sosial media rasmi JPA.

62. Apa yang saya ingin tekankan di sini bahawa kita perlu berfikir dengan bijaksana setiap keputusan yang diambil sebelum memuktamadkan sesuatu perkara. Perhalusi, teliti, analitikal serta kritis dalam setiap kerja yang dipertanggungjawabkan. Saya akui kita semua bukannya maksum, akan ada tersalah atau terkhilaf dalam melaksanakan kerja, cuma seboleh-bolehnya meminimumkan kesalahan. Sentiasa sematkan dalam diri, setiap wang yang dibelanjakan dalam urusan kerja adalah duit rakyat, justeru penting untuk kita membelanjakan duit tersebut secara optimum dan berhemah.

63. Bersempena sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan rancangan untuk kenaikan gaji yang signifikan kepada penjawat awam dan dijangka berkuatkuasa pada bulan Disember tahun ini. Saya yakin pengumuman ini membawa khabar gembira kepada kita semua, setelah sekian lama tidak menikmati pelarasan tangga gaji. Oleh itu, besar harapan saya dengan pengumuman kenaikan gaji tersebut, ia dapat meningkatkan semangat dan motivasi khususnya kepada warga kerja jabatan, seterusnya membawa kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan penyampaian jabatan.

Sesungguhnya, kerja yang dilaksanakan bukanlah sia-sia. Setiap titik peluh dan usaha yang kita curahkan demi jabatan, pastinya memperolehi keberkatan dan ganjaran olehNya.

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan- Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

PENUTUP

64. Walaupun sampai ke saat ini, jawatan Ketua Pengarah Kerja Raya, TKPKR (Infra) dan TKPKR (Pakar) masih belum diisi secara hakiki. Kita yang masih di sini perlu memastikan kefungsian dan operasi jabatan serta segala gerak kerja dilaksanakan sebaik mungkin. Ini penting bagi memastikan setiap sasaran dan KPI dapat dicapai demi kecemerlangan dan kelangsungan jabatan. Saya percaya kita semua boleh bersama-sama saling mendokong dan saling melengkapi dalam setiap tanggungjawab yang diamanahkan. In Sha Allah, kita akan bersama-sama mengharungi tempoh ini.

65. Sebelum mengakhiri ucap tama ini, besar harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan menghayati setiap perkara yang telah saya bangkitkan sama ada kelemahan kita, kekuatan kita atau cabaran yang bakal kita hadapi pada masa hadapan. Marilah kita berganding bahu, berusaha untuk mendepani dan melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya. Bumi mana tidak ditimpa hujan, begitulah juga dengan jabatan kita, hadapilah dan tangani lah setiap cabaran dengan berhemah dalam suasana yang muafakat dan harmoni demi *survival* dan masa depan JKR.

66. Hala tuju JKR sewajarnya kita garap dengan jelas dan diletakkan di atas landasan yang betul agar kita kekal teguh dan relevan, sejajar dengan kewujudan JKR yang telah melebihi 150 tahun dan SOC pada kali ini pun dah kali ke-22. Anggaplah segala tohmahan dan kritikan sebagai pembakar semangat untuk kita menjadi lebih kuat, berdaya tahan dan cemerlang.

67. Untuk itu, bersama-samalah kita mempersiapkan diri dengan kompetensi, ilmu pengetahuan serta gunakanlah segala pengalaman yang ada untuk menyahut cabaran transformasi dalam perkhidmatan awam.

68. Akhir kata, saya berdoa semoga semangat iltizam dan keikhlasan kita untuk berubah menjadi lebih baik dalam menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya percaya JKR mempunyai ramai pegawai-pegawai yang muda, yang kompeten dan berintegriti serta mampu membawa JKR lebih jauh sebagai sebuah organisasi yang cemerlang, yang berkhidmat dan berjasa kepada rakyat.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaratu.